

Kosmo
1/7/2015
mls 11

Terbabit seludup 1,109 PATI mendarat di Langkawi pada Mei lalu

Polis tahan 9 penyeludup manusia

KUALA LUMPUR – Polis menahan sembilan lagi individu dipercayai anggota sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang terdampar di Pulau Langkawi, Kedah pada Mei lalu.

Dalam kejadian 10 Mei itu, seramai 1,051 PATI dikesan mendarat di pulau peranginan tersebut.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, penahanan tujuh warga Myanmar dan dua warga Bangladesh di Depot Tahanan Imigresen Belantik, Sik, Kedah kelmarin menjadikan semua suspek yang ditahan berjumlah 19 orang.

“Tangkapan dibuat hasil soal siasat polis ke atas pendatang warga Bangladesh dan Myanmar yang mendarat di Pulau Langka-

wi pada 10 Mei lalu.

“Sembilan suspek yang juga merupakan PATI itu ditahan di bawah Seksyen 26 A, Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Seminar Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran di sini semalam.

Sebelum ini, polis telah menahan seorang warga tempatan, lapan Bangladesh dan seorang warga Myanmar di beberapa

Bot bawa pendatang Bangladesh, Myanmar tersangkut di benteng pemecah ombak

1,051 PATI terdampar di Langkawi

Kebanyakan PATI yang ditemui ialah lelaki dan mereka hanya memakai setar pendek atau kuali pekad dengan keraja-7 sahaja

Sejumlah kerabat di benteng pemecah ombak Langkawi, Kedah, menahan sembilan lagi individu dipercayai anggota sindiket penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang terdampar di pulau peranginan tersebut pada 10 Mei lalu. Mereka ditahan di bawah Seksyen 26 A, Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007.

KERATAN Kosmo! 12 Mei 2015.

lokasi di bawah ATIPSOM dan kes disiasat dibawah Akta Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Pada 25 Jun lalu, seorang lelaki Cina warga tempatan iaitu pemilik bot telah didakwa di bawah Seksyen 26 J, ATIPSOM kerana menggunakan bot miliknya untuk tujuan penyeludupan imigran.



KHALID (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta pada majlis penutupan Seminar Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran di Kuala Lumpur semalam.